

HUBUNGAN PERSEPSI KESEJAHTERAAN (PK), KECERDASAN EMOSI (KE), KECERDASAN SPIRITUAL (KS) DAN EFIKASI KENDIRI KAUNSELING (EKK) TERHADAP PERKEMBANGAN DIRI (PD) KAUNSELOR PELATIH

Mazila Ghazali

mazila@upm.edu.my

Sidek Mohd Noah (PhD)

sideknoah@yahoo.com

Siti Aishah Hassan (PhD)

siti_aishahh@upm.edu.my

Wan Marzuki Wan Jaafar (PhD)

wan marzuki@yahoo.com

Abstract: Kaunselor pelatih memerlukan PK, KE, KS, EKK dan PD yang tinggi. Perkembangan diri kaunselor pelatih merupakan elemen yang perlu diberi perhatian. Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji perkembangan diri kaunselor pelatih yang sedang menjalani latihan internship. Objektif kajian ini adalah bertujuan mengenal pasti hubungan PK, KE, KS dan EKK terhadap PD kaunselor pelatih. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar kaunseling peringkat ijazah sarjana muda kaunseling dari lima (5) buah universiti awam yang sedang menjalani latihan internship. Kajian secara terperinci berkaitan perkembangan diri kaunselor pelatih perlu dijalankan bagi mengenal pasti apakah faktor yang mempengaruhi perkembangan diri kaunselor pelatih. Terdapat beberapa teori dan model yang digunakan sebagai panduan dalam kajian ini antaranya Model Kesejahteraan Adams berdasarkan teori Adlerian, Teori Keupayaan Kecerdasan Emosi, Teori Kecerdasan Spiritual, Teori Kognitif Sosial Bandura, dan Model IDM Stolternberg, McNeill dan Delworth. Reka bentuk kajian ini adalah kajian korelasi. Statistik inferensi digunakan untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Kajian ini melibatkan 208 responden yang telah dipilih secara rawak berstrata. Instrumen yang digunakan ialah lima jenis soal selidik iaitu soal selidik Persepsi Kesejahteraan, soal selidik Kecerdasan Emosi, soal selidik Kecerdasan Spiritual, soal selidik Jangkaan Kendiri Kaunseling dan soal selidik Supervisee Levels Questionnaire-Revised (SLQ-R). Analisis data dalam kajian ini telah dilaksanakan menggunakan perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS) dan AMOS (IBM SPSS_AMOS 21.0). Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara PK, KE, KS, EKK dengan PD. Hasil daripada kajian ini memberi implikasi bahawa kaunselor pelatih perlu melengkapkan diri mereka dengan kemahiran PK, KE, KS, EKK dan PD agar mereka dapat memberi komitmen yang terbaik sebagai kaunselor dan seterusnya dapat meningkatkan profesion kaunseling.

Keyword: *kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual, efikasi kendiri kaunseling, perkembangan diri*

PENGENALAN

Pengkajian mengenai hubungan kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan efikasi kendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih sangat penting dijalankan sekarang bagi menyokong matlamat wawasan 2020, Falsafah Pendidikan Malaysia dan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Malaysia (PSPTN). Fokus utama adalah melahirkan modal insan kelas dunia yang seimbang dalam semua dimensi seperti emosi, fizikal, psikologikal, spiritual, sosial untuk berkembang dengan lebih baik dalam setiap bidang yang diceburi. Kerjaya sebagai kaunselor merupakan kerjaya yang mencabar kerana kaunselor berdepan dengan masalah klien yang sukar dan masalah tersebut memerlukan kepakaran seseorang kaunselor dalam menangani isu yang dibawa oleh klien (Suradi, 2004). Justeru peranan pihak fakulti terutama pendidik kaunselor dalam bidang kaunseling adalah penting dalam memastikan bahawa seseorang pelajar yang memasuki bidang kaunseling adalah dalam kalangan mereka yang terpilih. Setelah memasuki bidang kaunseling kaunselor pelatih ini akan berinteraksi dengan fakulti, pelajar dan klien untuk meningkatkan kemahiran

[1]

kaunseling dan seterusnya meningkatkan kecekapan yang diselaraskan oleh? (Council for Accreditation and Related Educational Programs [CACREP], 2009). Manakala di Malaysia profesion kaunseling semakin berkembang seiring dengan kemajuan negara. Kepentingan profesion ini kepada negara jelas dapat dibuktikan dengan penubuhan Akta Kaunselor (1998) Akta 580. Program Kaunseling di Universiti Awam di Malaysia adalah bertujuan melahirkan kaunselor yang cekap dan efektif serta mampu memberi perkhidmatan kaunseling yang terbaik kepada klien. Justeru adalah penting untuk mengukuhkan kecekapan kaunseling semasa pelajar kaunseling melalui latihan sebagai kaunselor agar mereka lebih kompeten dalam memimpin klien. Oleh itu klien akan mendapat manfaat daripada perkongsian emosi bersama kaunselor dalam latihan (Kerl, Garcia, McCullough, & Maxwell, 2002) dan seterusnya perkembangan diri kaunselor juga dapat berlaku (Stolternberg et al., 1998). Setakat ini, tidak banyak kajian yang memaparkan secara serentak hubungan kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual, dan efikasi kendiri kaunseling terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih. Berdasarkan kepada piawaian kajian semula kaunseling profesional dan literatur semasa mengenai perkembangan peribadi kaunselor pelatih yang menonjolkan kepentingan sosial, paradigma kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual, dan efikasi kendiri kaunseling akan dibentangkan sebagai satu pendekatan untuk memudahkan pertumbuhan dan perkembangan kaunselor. Oleh yang demikian berdasarkan kesemua kenyataan tersebut telah mendorong kepada permasalahan dan matlamat utama kajian ini dijalankan. Maka kajian ini adalah wajar untuk dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas tentang perkembangan diri kaunselor pelatih berdasarkan kepada objektif yang telah ditetapkan di bawah:

1. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara persepsi kesejahteraan dengan perkembangan diri kaunselor pelatih.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan perkembangan diri kaunselor pelatih.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara kecerdasan spiritual dengan perkembangan diri kaunselor pelatih.
4. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara efikasi kendiri kaunseling dengan perkembangan diri kaunselor pelatih.

Tinjauan Literatur Persepsi Kesejahteraan

Kajian semula pangkalan data elektronik PsycINFO (American Psychological Association, 2002) telah menyenaraikan 42 petikan yang mengenai "kaunseling dan kesejahteraan" dan 11 yang berkaitan dengan "kaunselor dan kesejahteraan." Sebahagian besar artikel ini adalah sama ada kajian teori atau aplikasi tetapi kekurangan dalam kajian empirikal dengan hanya beberapa melaporkan keputusan. Kajian yang telah dijalankan oleh Evans (1997) di mana kesejahteraan kaunselor Afrika-Amerika telah diperiksa dan beliau melaporkan bahawa kaunselor-kaunselor ini mengaplikasikan kedua-dua aktiviti kesejahteraan rohani dan emosi lebih daripada aktiviti kesejahteraan pekerjaan atau fizikal dan mengaitkan gender dengan kesejahteraan rohani, sedangkan tempat kerja adalah berkaitan dengan kesejahteraan kedua-dua emosi dan fizikal.

Walau bagaimanapun, Archer, Probert, dan Gage (1987) telah mengkaji sikap pelajar ijazah pertama ke arah kesejahteraan dan membuat kesimpulan, "walaupun pelajar menyedari kepentingan kesihatan dan kesejahteraan untuk perkembangan diri namun mereka enggan mengakui keperluan mereka untuk mendapatkan maklumat atau bantuan". Kedua-dua Evans (1997) dan Archer et al., (1987) berdasarkan penyelidikan mereka pada Model Hexagonal Wellness Hettler (Hettler, 1980), yang mengambil kira faktor-faktor termasuk fizikal, emosi, rohani, pekerjaan, sosial, dan aspek kesejahteraan intelektual.

Lockwood et al., (2012) menjalankan kajian untuk menilai keberkesanannya kursus kesejahteraan sepanjang hayat dan efikasi kendiri global, efikasi kendiri fizikal dan tingkah-laku ke arah kesejahteraan pelajar. Seramai 71 pelajar yang terlibat dalam kajian. Soal selidik yang telah dijawab pada awal dan akhir kursus antaranya soal selidik kesejahteraan edisi standard daripada National Wellness Institute (1995), efikasi kendiri secara umum oleh Jerusalem & Schwarzer (1992) dan soal selidik efikasi kendiri fizikal oleh Ryckman, Robbins, Thornton & Cantrell (1992). Rekabentuk repeated measures yang menggunakan ujian-T berpasangan adalah digunakan kepada semua pemboleh ubah bebas. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perubahan ketara dalam kecergasan fizikal dan pemakanan ($p = .001$), persepsi kendiri fizikal dan kemampuan fizikal (PSE; $p = .0001$). Keputusan kajian telah menunjukkan bukti bahawa kursus kesejahteraan sepanjang hayat telah memberi impak yang positif terhadap efikasi kendiri fizikal, perubahan tingkah laku

[2]

dan berjaya membantu pelajar mengubah tingkahlaku dalam aktiviti fizikal dan pemakanan, di mana kesemua elemen tersebut akan dapat menjamin perkembangan yang baik dalam diri mereka.

Lee Chee Siang (2010) menjalankan kajian deskriptif secara tinjauan rentas untuk meneroka pola kesejahteraan holistik dalam kalangan kaunselor berdaftar dan mengenal pasti dimensi kesejahteraan yang paling rendah dalam kalangan responden. Soal selidik yang digunakan adalah berdasarkan tema-tema yang diperolehi daripada temubual secara mendalam serta literatur, terutama Roda Kesejahteraan Myers, Witmer dan Sweeney. Seramai 120 orang kaunselor berdaftar yang dipilih secara persampelan rawak mudah. Dapatkan kajian dianalisis secara deskriptif iaitu menggunakan min dan sisihan piawai untuk mendapatkan gambaran tentang kesejahteraan holistik dan 16 aspek tugas-tugas hidup utama responden. Dapatkan kajian menunjukkan kaunselor mempunyai aras kesejahteraan yang amat tinggi dalam kebanyakan dimensi kesejahteraan, namun dimensi riadah dan pemakanan telah memperolehi skor yang paling rendah. Hal ini melanggar konsep keperluan asas fisiologi manusia oleh Maslow, dimana keperluan asas perlu dipenuhi terlebih dahulu untuk perkembangan diri mereka sebelum menuju keperluan yang lebih tinggi iaitu kesempurnaan kendiri. Berpandukan hasil dapatan yang diperolehi, penyelidik mencadangkan supaya usaha yang lebih harus diberi tumpuan dalam penekanan aspek kesejahteraan kaunselor, baik dalam latihan asas ataupun dalam Kod Etika Kaunselor untuk perkembangan diri kaunselor terutama dalam latihan.

Siti Balqis (2011) menjalankan kajian kecerdasan emosi, kesejahteraan psikologikal terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih. Kajian dijalankan ke atas 128 orang kaunselor pelatih. Soal selidik yang digunakan ialah Skala Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (1989) bagi mengetahui tahap kesejahteraan psikologikal kaunselor pelatih. Hasil kajian mendapat terdapat hubungan yang signifikan di antara kesejahteraan psikologikal dengan perkembangan diri kaunselor pelatih, $r=.311$. $p<.05$.

Tinjauan Literatur Kecerdasan Emosi

Shaheena Parveen dan M. Shafiq (2014) telah menjalankan satu kajian perspektif teori dan kajian empirikal, yang telah dijalankan di seluruh dunia, juga kepentingan kecerdasan emosi dalam bidang kaunseling dan psikoterapi. Di samping itu, keperluan untuk menjalankan kajian tersebut dalam konteks India bersama-sama dengan kesannya telah juga telah dibincangkan. Secara keseluruhan kajiannya mendapat bahawa kecerdasan emosi sangat diperlukan bagi kerjaya sebagai kaunselor dan psikoterapi dan seterusnya dapat membentuk perkembangan diri mereka sebagai kaunselor. Dalam konteks India, kecerdasan emosi dalam kaunseling psikoterapi perlu didokumenkan berpandukan dari perspektif sosiologi dan budaya. Secara keseluruhan kajian literatur telah menunjukkan peranan penting kecerdasan emosi dalam menentukan kejayaan di dalam bidang akademik dan organisasi. Oleh itu terdapat keperluan untuk menjalankan kajian yang sama dalam bidang kaunseling dan psikoterapi terutama untuk merancang latihan yang bersesuaian untuk profesional akan datang dalam bidang ini di India bagi menjamin perkembangan diri yang baik untuk berfungsi sebagai kaunselor.

Nasir, Mustafa dan Ahmad (2011) menjalankan kajian untuk mengenal pasti hubungan antara tahap kecerdasan emosi iaitu (kesedaran kendiri, kawalan kendiri, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial) dengan kemahiran kompetensi dan pembangunan peribadi. Responden kajian adalah dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah yang terdiri daripada 52 orang. Dapatkan kajian menunjukkan hubungan signifikan yang sederhana antara kecerdasan emosi dengan kemahiran kompetensi (0.65). Manakala hubungan di tahap sederhana juga ditunjukkan antara kecerdasan emosi iaitu (kesedaran kendiri, kawalan kendiri, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial) dengan pembangunan peribadi (0.67).

Siti Balqis (2011) telah menjalankan kajian pengaruh kecerdasan emosi dan kesejahteraan psikologikal ke atas perkembangan diri kaunselor pelatih universiti awam. Sampel terdiri daripada 128 orang pelajar tahun akhir program kaunseling daripada lima buah universiti awam di Malaysia yang dipilih secara rawak berlapis. Dengan menggunakan rekabentuk kajian korelasi. Alat kajian yang digunakan ialah Test your EQ oleh Davis (2004) untuk kecerdasan emosi, manakala Skala Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (1989) digunakan bagi mengetahui tahap kesejahteraan psikologikal kaunselor pelatih dan seterusnya *Supervisee Levels Questionnaire-Revised (SLQ-R)* oleh McNeill, Stoternberg dan Romans (1992) digunakan untuk mengukur perkembangan diri kaunselor pelatih. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan perkembangan diri kaunselor pelatih, $r=.301$, $p<.05$, dan terdapat hubungan yang signifikan di antara kesejahteraan psikologikal dengan perkembangan diri kaunselor pelatih,

r=.311. p<.05. Analisis Bivariate Linear Regression pula menunjukkan kecerdasan emosi menyumbang 9.1 peratus terhadap variabiliti dalam perkembangan diri kaunselor pelatih dan ianya mampu meramal secara signifikan perkembangan diri kaunselor pelatih. Manakala kesejahteraan psikologikal menyumbang 9.7 peratus terhadap variabiliti dalam perkembangan diri kaunselor pelatih dan ianya mampu meramal secara signifikan perkembangan diri kaunselor pelatih. Dapatkan menunjukkan kesejahteraan psikologikal mempunyai pengaruh yang lebih kepada perkembangan diri kaunselor pelatih berbanding kecerdasan emosi.

Cikanek (2007) menjalankan kajian untuk mengenalpasti bagaimana kecerdasan emosi dan kemahiran daya tindak dapat meramalkan efikasi kendiri kaunselor. Seramai 98 orang pelajar siswazah dalam bidang kaunseling di Amerika Utara (97 Perempuan dan 1 lelaki M 25.5, SD =3.8). responden menjawab soal kaji selidik dalam talian yang terdiri daripada soal selidik demografi, soal selidik kecerdasan emosi dan soal selidik daya tindak serta soal selidik kriteria efikasi kendiri kaunselor. Data dianalisis dengan menggunakan analisis regresi berganda *Stepwise*. Lima peramal mewakili 49% daripada jumlah varians dalam efikasi kendiri kaunselor antaranya perbezaan, empati, daya tindak proaktif, tahun pelajar, pencegahan daya tindak. Dapatkan kajian menunjukkan responden yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi akan menjadi lebih maju, rendah perbezaan, mempunyai empati yang tinggi serta proaktif dan berdaya tindak.

Tinjauan Literatur Kecerdasan Spiritual

Kajian tentang hubungan antara kecerdasan spiritual dan aspek-aspek lain dalam kehidupan manusia telah banyak dijalankan, contohnya kemahiran mengatasi masalah, keupayaan untuk ketahanan diri ketika stress dan menghadapi krisis peribadi, kesihatan fizikal, kebolehlenturan sosial (Adam et al., 2000; Ellison & Smith, 1991, Graham, Furr, Flowers & Burke, 2001, Wesgate 1996). Namun begitu kajian berkaitan kecerdasan spiritual dalam kalangan kaunselor pelatih agak terhad. Menurut Simpson dan Starkey (2006) Graham, Furr, Flowers, dan Burke (2001) melaporkan dalam kajian yang dijalankan oleh Persatuan Kaunseling Amerika yang melaporkan bahawa kaunselor melihat kerohanian sebagai faktor penting dalam kesihatan mental. Dalam satu lagi kajian yang dijalankan oleh Graham, et al. (2001) mereka meninjau hubungan antara agama dan kerohanian dalam menghadapi tekanan dan mendapat hubungan positif antara kesihatan rohani dan imuniti kepada situasi tekanan.

Letchumy (2009) telah menjalankan kajian berkaitan hubungan di antara spiritualiti dan kesejahteraan dalam kalangan kaunselor sekolah menengah. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap spiritualiti dan tahap kesejahteraan kaunselor tersebut. Kajian ini dijalankan di Negeri Sembilan dan seramai 100 orang kaunselor yang dipilih secara rawak daripada 100 buah sekolah di Negeri Sembilan. Soal selidik yang digunakan ialah *Perceived Wellness Survey* bagi mengukur kesejahteraan, soal selidik kualiti hidup profesional yang mengukur kualiti hidup, soal selidik Means-Ends Spirituality (MES) yang menguji perasaan, hubungan, tindakan dan pemikiran untuk menerangkan spiritualiti. Statistik deskriptif digunakan untuk melihat tahap setiap pembolehubah manakala korelasi pearson digunakan untuk melihat hubungan antara pembolehubah. Hasil kajian mendapatka kaunselor mempunyai tahap spiritualiti dan tahap kesejahteraan yang tinggi tetapi perlu memberi lebih perhatian terhadap kesejahteraan fizikal. Hasil kajian juga mendapatka tidak wujud hubungan antara kesejahteraan dan spiritualiti.

Mazidah (2013) telah menjalankan kajian faktor yang mempengaruhi kefahaman beragama dan amalan kaunseling pelbagai budaya. Sampel kajian terdiri daripada 240 kaunselor berdaftar di seuruh Malaysia. Soal selidik dihantar secara pos kepada sampel terpilih. Antara soal selidik yang digunakan ialah Kefahaman Beragama, Kompetensi Kaunseling Pelbagai Budaya, Kesejahteraan Spiritual, Komitmen Terhadap Aktiviti Keagamaan Dan Kompetensi Spiritual Dalam Amalan Kaunseling. Kaedah kajian jenis *ex-post facto* jenis korelasi digunakan. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai manakala analisis inferensi iaitu korelasi dan regresi pelbagai juga telah digunakan untuk melihat hubungan antara pembolehubah. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman beragama dengan kompetensi kaunseling pelbagai budaya, kesejahteraan spiritual, komitmen terhadap aktiviti keagamaan dan kompetensi spiritual dalam amalan kaunseling. Selain itu dapatkan kajian menunjukkan kefahaman beragama, kompetensi kaunseling pelbagai budaya, kesejahteraan spiritual dan kompetensi spiritual dalam amalan kaunseling kaunselor berdaftar adalah di tahap sederhana. Kecerdasan spiritual adalah penting untuk perkembangan diri kaunselor.

Newton (1997) mengkaji tentang kesejahteraan spiritual kaunselor dan ahli psikoterapi dengan menggunakan *The Spiritual Wellbeing Scale* (SWBS). Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara

kesejahteraan spiritual dengan gender, pendidikan dan sistem kepercayaan, dimana wanita memperolehi skor yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan lelaki, manakala kaunselor yang berkelulusan ijazah sarjana mendapat skor yang lebih tinggi berbanding kaunselor dengan ijazah sarjana lanjutan dan mereka yang beragama kristian mendapat skor yang lebih tinggi berbanding agama lain.

Robert, Yang dan Kelly (2006) telah membuat kajian tentang hubungan antara kesejahteraan spiritual pekerja dengan kepuasan kerja. Seramai 200 orang sampel terlibat dalam kajian ini. Soal selidik yang digunakan ialah *The Spiritual Well-Being Scale* dan *Minnesota satisfaction Questionnaire Short Form*. Dapatkan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kesejahteraan spiritual, kesejahteraan agama dan kesejahteraan kewujudan dengan kepuasan kerja. Oleh yang demikian kajian ini telah mencadangkan agar pengukuran kesejahteraan spiritual digunakan sebagai salah satu cara untuk mengenalpasti dan memahami kepercayaan dan pandangan klien tentang pekerjaan mereka. Maklumat yang diperolehi ini sangat berguna terutama kepada kaunselor kerjaya

Tinjauan Literatur Efikasi Kendiri Kaunseling

Kajian yang dijalankan oleh Leach et al., (1997) berkaitan efikasi kendiri kaunseling dengan berpandukan domain dalam model pembangunan bersepadu penyeliaan IDM oleh Stoltzenberg & Delworth (1987). Seramai 142 pelajar peringkat master dan pelajar kedoktoran kaunseling yang berumur antara 22 hingga 57 tahun sebagai sampel kajian. Sampel telah menjalankan kaunseling ke atas klien yang didera secara seksual dan juga klien yang menghadapi tekanan. Sepanjang sesi kaunseling dijalankan kaunselor telah melengkapkan soal selidik yang telah direka untuk menggambarkan konstruk kaunselor pelatih berdasarkan model IDM. Kaunselor pelatih telah menjalankan kaunseling berpandukan kepada lima faktor dalam efikasi kendiri kaunseling iaitu kemahiran mikro, proses kaunseling, menangani tingkah laku klien yang sukar, kecekapan budaya dan kesedaran nilai. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa min 2.63 kaunselor pelatih di tahap yang pertama dan min bagi kaunselor pelatih di tahap yang kedua ialah sebanyak min 3.47. Perbezaan yang ketara ditunjukkan ke atas lima faktor dalam efikasi kendiri kaunseling. Hasil kajian juga menunjukkan kaunselor pelatih di tahap kedua mendapat skor yang lebih tinggi dalam kemahiran mikro berbanding kaunselor pelatih di tahap yang pertama. Hal ini selaras dengan model IDM di mana kaunselor pelatih yang berada di tahap kedua atau pertengahan ini dikatakan mempunyai keupayaan yang lebih tinggi dalam menguruskan klien yang mempunyai tingkah laku yang sukar berbanding kaunselor pelatih di tahap yang pertama. Justeru kajian ini memberi gambaran bahawa kepentingan menguasai efikasi kendiri yang tinggi adalah sangat penting untuk setiap tahap perkembangan kaunselor pelatih.

Martin Jr, Easton, Wilson, Takemoto dan Sulivan (2004) telah menjalankan kajian perkembangan diri pelajar kaunseling dengan melihat hubungan kecerdasan emosi dengan efikasi kendiri kaunseling. Kajian ini berkaitan kepentingan kecerdasan emosi sebagai ciri utama kaunselor. Seramai 140 orang pelajar kaunseling daripada *University South Western* dan pengamal kaunseling yang terlibat. Soal selidik yang digunakan ialah *Emotional Judgement Inventory* dan *Counseling Self-Estimate Inventory*. Kajian ini menggunakan rekabentuk *causal-comparative* untuk menentukan perbezaan antara kumpulan pelajar kaunseling dan sampel normative ke atas ukuran kecerdasan emosi dan efikasi kendiri kaunseling.

Menurut Martin, Easton, Wilson, Takemoto, dan Sullivan, (2004) kaunselor yang mempunyai tahap efikasi kendiri kaunseling yang tinggi akan mempunyai penghargaan kendiri yang lebih tinggi, kurang berasa bimbang dan mempunyai tanggapan yang lebih kuat dalam kemahiran menyelesaikan masalah. Persepsi sedemikian membolehkan mereka bersaing secara sederhana, mempunyai pemikiran yang terbuka dan membina dalam usaha mencapai matlamat profesi dengan berkesan. Mereka juga didapati komited dengan tugas yang dilaksanakan meskipun terpaksa berhadapan dengan kesukaran dan halangan. Tindakan sedemikian berikutan daripada kecenderungan mereka yang lebih melihat kesukaran dalam sesuatu tugas sebagai satu cabaran dan bukan sebagai penghalang kepada kejayaan dan perkembangan diri mereka. Korelasi Bivariate dan *Multiple Regression Analysis* digunakan bagi menentukan dan meramal hubungan antara faktor kecerdasan emosi dengan faktor efikasi kendiri kaunseling. *One sample t-test* digunakan untuk membandingkan min sub skala kecerdasan emosi kaunselor pengamal dan pelajar kaunseling ke atas min sampel normatif. *Multiple Analysis Of Variance (MANOVA)* pula digunakan untuk menganalisis perbezaan antara dua kumpulan ke atas subskala kecerdasan *Emotional Judgement Inventory* dan *Counseling Self Estimate Inventory*. Dapatkan kajian menunjukkan kecerdasan emosi membezakan antara kaunselor dan bukan kaunselor ($Mdn = .6650$) tetapi menghasilkan keputusan yang bercampur dalam membezakan pelajar kaunseling dan pengamal kaunseling. Seterusnya faktor kecerdasan emosi meramalkan efikasi kendiri kaunseling ke atas pelajar kaunseling dan pengamal kaunseling ($R=537$). Kajian ini merupakan kajian yang baik kerana dapat menentukan kepentingan kecerdasan emosi

dan efikasi kendiri kaunseling kepada profesion sebagai kaunselor. Namun kajian akan datang digalakkan untuk dijalankan bagi menghasilkan keputusan yang lebih jelas dan tidak bercampur.

Nunnery R. (2011) menjalankan kajian hubungan antara kesejahteraan dengan faktor akademik dan efikasi kendiri kaunseling. Kajian dijalankan ke atas pelajar CACREP master dalam bidang kaunseling. Kajian menunjukkan faktor akademik dan efikasi kendiri kaunseling dalam kalangan kaunselor pelatih dimana kaunselor pelatih yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang akademik akan mempunyai keyakinan yang tinggi untuk membimbing klien. Sistem kepercayaan kaunselor pelatih dan tingkahlakunya adalah berkaitan dengan kesejahteraan mereka. Kaunselor yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi mampu meningkatkan kecekapan mereka dalam bidang kaunseling. Soal selidik yang digunakan ialah 5F-Wel dan Skala Aktiviti Efikasi Kendiri Kaunselor. Dapatkan kajian menunjukkan tidak wujud hubungan antara faktor akademik dengan efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih. Manakala terdapat hubungan yang signifikan antara kesejahteraan keseluruhan dengan efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih. Manakala analisis regresi menunjukkan lima faktor peramal kesejahteraan tidak ketara meramalkan efikasi kendiri kaunseling. Model kesejahteraan menunjukkan hanya 6% daripada varians efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih. Kajian lanjut perlu dijalankan untuk menentukan apakah faktor yang lebih menyumbang kepada efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih.

Kajian oleh Mancini, et al., (2015) turut mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan hasil yang positif di antara efikasi kendiri dan kesejahteraan. Hal ini ditunjukkan oleh mutu dan hasil kerja para remaja yang lebih baik dan tidak mengalami kemurungan. Efikasi kendiri menjadi perantara di antara sokongan sosial dan tekanan, aktiviti fizikal dan kesejahteraan dalam kalangan para remaja. Bukan itu sahaja, malah efikasi kendiri menunjukkan komitmen para pelajar untuk ke sekolah walaupun berada di tahap akhir dan memberi aspirasi untuk berjaya di peringkat pengajian tinggi. Analisis seterusnya mendapati bahawa efikasi kendiri menjadi perantara di antara kepuasan hidup dan pencapaian individu. Kajian mendapati bahawa 46% daripada pencapaian kejayaan individu adalah dipengaruhi oleh efikasi kendiri individu (Weber,et all., 2013).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian korelasi. Secara keseluruhan kajian ini akan menumpukan kepada mengkaji hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Seterusnya bagi menjawab soalan kajian, analisis inferensi iaitu korelasi AMOS digunakan untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Dalam kajian ini, kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan efikasi kendiri kaunseling adalah pembolehubah bebas manakala perkembangan diri kaunselor pelatih adalah pemboleh ubah bersandar. Kajian ini dijalankan di 5 buah universiti awam. Antara universiti yang terlibat dalam kajian ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Seramai 208 orang responden yang terlibat dan ini telah mengikut bilangan sampel yang disarankan oleh Hair iaitu 200 orang. Bilangan ini telah melebihi saiz sampel yang diperlukan dalam analisis korelasi berdasarkan formula analisis kuasa Cohen (1992). Teknik persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*) telah digunakan dalam menentukan sampel kajian. Analisis data dalam kajian ini telah dilaksanakan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* dan *AMOS (IBM SPSS_AMOS 21.0)*.

DAPATAN KAJIAN

Hubungan Persepsi Kesejahteraan Dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih

Korelasi AMOS telah digunakan untuk menentukan hubungan antara persepsi kesejahteraan dengan perkembangan diri dalam kalangan kaunselor pelatih. Hipotesis H₁ menunjukkan bahawa persepsi kesejahteraan mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan diri kaunselor pelatih yang dikaji ($p=0.001$) (rujuk jadual 1). Konstruk persepsi kesejahteraan mempunyai enam respon item, manakala konstruk perkembangan diri dengan tiga respon item. Hubungan korelasi digambarkan dengan menggunakan *double-headed arrow* dalam AMOS grafik seperti Rajah 1.

Jadual 1*Keputusan hubungan antara kesejahteraan dengan perkembangan diri kaunselor pelatih*

			Estimate	S.E.	C.R.	P	Keputusan
PK	<-->	PD	.351	.055	6.323	***	Signifikan

Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih

Dapatkan kajian ini menjawab objektif kajian yang kedua iaitu untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan perkembangan diri kaunselor pelatih. Korelasi AMOS telah digunakan untuk menentukan hubungan antara kecerdasan emosi dengan perkembangan diri dalam kalangan kaunselor pelatih. Hipotesis H₂ menunjukkan bahawa kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan diri kaunselor pelatih yang dikaji ($p=0.001$) (rujuk jadual 2). Konstruk kecerdasan emosi mempunyai empat respon item, manakala konstruk perkembangan diri dengan tiga respon item. Hubungan korelasi digambarkan dengan menggunakan double-headed arrow dalam AMOS grafik seperti Rajah 1.

Jadual 2*Keputusan hubungan antara kecerdasan emosi dengan perkembangan diri kaunselor pelatih*

			Estimate	S.E.	C.R.	P	Keputusan
KE	<-->	PD	.221	.039	5.715	***	Signifikan

Hubungan Kecerdasan Spiritual Dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih

Dapatkan kajian ini menjawab objektif kajian yang ketiga iaitu untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara kecerdasan spiritual dengan perkembangan diri kaunselor pelatih. Korelasi AMOS telah digunakan untuk menentukan hubungan antara kecerdasan spiritual dengan perkembangan diri dalam kalangan kaunselor pelatih. Hipotesis H₃ menunjukkan bahawa kecerdasan spiritual mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan diri kaunselor pelatih yang dikaji ($p=0.001$) (rujuk jadual 3). Konstruk kecerdasan spiritual mempunyai empat respon item, manakala konstruk perkembangan diri dengan tiga respon item. Hubungan korelasi digambarkan dengan menggunakan double-headed arrow dalam AMOS grafik seperti Rajah 1.

Jadual 3*Keputusan hubungan antara kecerdasan spiritual dengan perkembangan diri kaunselor pelatih*

			Estimate	S.E.	C.R.	P	Keputusan
KS	<-->	PD	.277	.045	6.219	***	Signifikan

Hubungan Efikasi Kendiri Kaunseling Dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih

Dapatkan kajian ini menjawab objektif kajian keempat iaitu untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara efikasi kendiri kaunseling dengan perkembangan diri kaunselor pelatih. Korelasi AMOS telah digunakan untuk menentukan hubungan antara efikasi kendiri kaunseling dengan perkembangan diri dalam kalangan kaunselor pelatih. Hipotesis H₄ menunjukkan bahawa efikasi kendiri kaunseling mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan diri kaunselor pelatih yang dikaji ($p=0.001$) (rujuk jadual 4). Konstruk efikasi kendiri kaunseling mempunyai lima respon item, manakala konstruk perkembangan diri dengan tiga respon item. Hubungan korelasi digambarkan dengan menggunakan double-headed arrow dalam AMOS grafik seperti Rajah 1 dan 2.

Jadual 4

Keputusan hubungan antara efikasi kendiri kaunseling dengan perkembangan diri kaunselor pelatih

			Estimate	S.E.	C.R.	P	Keputusan
EKK	<-->	PD	.273	.044	6.212	***	Signifikan

Jadual 5

Ringkasan keputusan berdasarkan objektif 1, 2, 3 dan 4



Covariances: (Group number 1 - Default model)

			Estimate	S.E.	C.R.	P	Keputusan
EKK	<-->	PD	.273	.044	6.212	***	Signifikan
PK	<-->	PD	.351	.055	6.323	***	Signifikan
KS	<-->	PD	.277	.045	6.219	***	Signifikan
KE	<-->	PD	.221	.039	5.715	***	Signifikan

Jadual 6

Ringkasan keputusan kajian berdasarkan hipotesis

	Hipotesis Kajian	Keputusan
H ₁	Persepsi Kesejahteraan mempunyai hubungan yang signifikan dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	Diterima
H ₂	Kecerdasan Emosi mempunyai hubungan yang signifikan dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	Diterima
H ₃	Kecerdasan Spiritual mempunyai hubungan yang signifikan dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	Diterima
H ₄	Efikasi Kendiri Kaunseling mempunyai hubungan yang signifikan dengan Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih	Diterima

Rajah 1: *The Standardized Path Coefficient* antara konstruk dalam modelRajah 2: *The Regression Coefficient between* antara konstruk dalam model

RUMUSAN

Analisis korelasi menunjukkan PK mempunyai hubungan yang signifikan dengan PD kaunselor pelatih (nilai $p=.001$). KE juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan PD kaunselor pelatih yang dikaji (nilai $p=0.001$), seterusnya KS mempunyai hubungan yang signifikan dengan PD kaunselor pelatih yang dikaji (nilai $p=.001$) dan EKK juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan PD kaunselor pelatih yang dikaji (nilai $p=.001$). Hipotesis kajian yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara PK, KE, KS, EKK dengan PD kaunselor pelatih adalah diterima. Indeks padanan dipaparkan di penjuru kanan bawah rajah. Rajah di atas menunjukkan hubungan antara PK, EKK, KS dan KE dengan PD mencapai *goodness of fit* RMSEA = 0.072, CFI = 0.940 dan Chi-square = 2.073.

Secara keseluruhannya berdasarkan keputusan statistik inferensi yang telah dihasilkan dapatkan kajian menunjukkan persepsi kesejahteraan, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan efikasi kendiri kaunseling mempunyai hubungan signifikan terhadap perkembangan diri kaunselor pelatih. Maklumat yang dihasilkan dalam kajian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh pihak yang berkepentingan untuk merancang dan melaksanakan program intervensi atau aktiviti pembangunan pelajar kaunseling. Seterusnya kajian ini menghasilkan satu model perkembangan diri kaunselor pelatih. Dengan itu, dapatan kajian ini akan memberi sumbangan kepada pembinaan model berkaitan pemboleh ubah yang dikaji dalam konteks negara Malaysia. Dari sudut metodologi, AMOS adalah pertama kali digunakan untuk kajian perkembangan diri kaunselor pelatih dalam negara yang telah menyumbang satu literatur baru kepada kaedah kajian. Seterusnya kajian akan datang perlu dilaksanakan bagi melihat aspek pengaruh PK, KE, KS, EKK terhadap PD.

RUJUKAN

- Adams, T.B., Bezner, R.J., Drabbs, M.E., Zambarano, R.J. & Steinhardt, M. A. (2000). Conceptualization and measurement of the spiritual and psychological dimensions of wellness in a college population. *Journal of American College Health*, 48, 165-17
- Council for Accreditation of counseling and related Educational Programs (CACREP) (2009). CACREP 2009 standards with cover. <http://www.cacrep.org/>, diakses pada 18/6/2015.
- .Cikanek, K. L. (2007). *Emotional intelligence and coping skills as predictors of counselor self-efficacy with genetic counseling graduate students*. University of Minnesota.
- Cohen, J. (1988) Statistical Power Analysis For The Behavioral Sciences. 2nd Edition. New York: Academic Press.
- Council for Accreditation of counseling and related Educational Programs (CACREP) (2009). CACREP 2009 standards with cover. <http://www.cacrep.org/>, diakses pada 18/6/2015.
- Curry, J. R. (2007). *An investigation of the relationship between counseling self-efficacy and counselor wellness among counselor education students* (Doctoral dissertation, University of Central Florida Orlando, Florida).
- Evans, D. R. (1997). Health promotion, wellness programs, quality of life and the marketing of psychology. *Canadian Psychology/Psychologie canadienne*, 38(1), 1
- Hettler, B. (1980). Wellness promotion on a university campus. Family and Community Health. *Journal of Health Promotion and Maintenance*, 3, 77-95.
- Kerl, S. B., Garcia, J. L., McCullough, C. S., & Maxwell, M. E. (2002). Systematic evaluation of professional performance: Legally supported procedure and process. *Counselor Education and Supervision*, 41(4), 321-332.
- Lee, Chee Siang. (2010). Analisis Kesejahteraan Holistik Dalam Kalangan Kaunselor Berdaftar Malaysia. *Jurnal Perkama*, 16, 41-56
- Lembaga Kaunselor. (1998). Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Sendirian Berhad.
- Letchumy, K. (2009). *Hubungan di antara spiritualiti dan kesejahteraan dalam kalangan kaunselor sekolah menengah*. Tesis master yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Lockwood, P., & Wohl, R. (2012). The impact of a 15 week lifetime wellness coursework on behavior change and self efficacy in college students. *college student journal*, 46(3), 628-641.
- Martin Jr, W.E., Crystal Easton, C. Sheilah Wilson,S. Michelle Takemoto, M., & Shannon Sullivan, S. (2004). *Salience of Emotional Intelligence as a Core Characteristic of Being a Counselor*. *Counselor Education and Supervision*. 44,17-30.
- Mancini, J. A., Bowen, G. L., O'Neal, C. W., & Arnold, A. L. (2015). Relationship provisions, self-efficacy and youth well-being in military families. *Journal of Applied Developmental Psychology*.

- Mazidah Mohd Dagang (2013). Faktor Yang Mempengaruhi Integrasi Kefahaman Beragama Dalam Amalan Kaunseling Pelbagai Budaya di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Nasir Z. A., Mustaffa, M. S., & Ahmad, R. (2011). The Relationship between emotional intelligence with skills competency and personal development among counselling teachers in Kulaijaya District, Johor. *International Journal of Fundamental Psychology and Social Sciences*, 1 (1), 17-20.
- Nunnery, R. (2011). *An Investigation of the Relationship among Wellness and Academic Factors of Counseling Self-Efficacy of Counselors-In-Training*. Unpublished doctoral dissertation, Mississippi State University, USA.
- Norzaliza Alis. (2015). Pengaruh Strategi Penyeliaan dan Refleksi Swadiri Terhadap Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Robertson, G. (2015). Spirituality and ageing – the role of mindfulness in supporting people with dementia to live well. *Working with Older People*, 19(3), 123-133.
- Siti Balqis Md. Nor, (2011). Pengaruh Kecerdasan Emosi dan Kesejahteraan Psikologikal Terhadap Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Suradi Salim (2004). *Perkhidmatan kaunseling di Malaysia : Perkembangan, cabaran dan halangan*. Kertas kerja dibentang dalam Syarahan Perdana di Universiti Malaya pada 19 Januari 2004.